



Rujukan Kami : ANM(T)81/10/7/15/1 Jld. 8 (25)
Tarikh : 19 Mac 2014

Pengarah Bahagian/Negeri/Cawangan JANM

Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri

Ketua Akauntan Kementerian

Bendahari/ Akauntan Negeri

Ketua Akauntan Badan Berkanun

YBhg Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PERSIDANGAN PENOLONG AKAUNTAN SEKTOR AWAM KALI KE-11 TAHUN 2014

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dengan kerjasama Persatuan Penolong Akauntan JANM (PERPENA) akan menganjurkan Persidangan Penolong Akauntan Sektor Awam Ke-11 pada tarikh dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 14 – 15 Mei 2014 (Rabu - Khamis)
Tempat : The Everly Hotel, Putrajaya

3. Sehubungan dengan itu, YBhg Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan amatlah diharapkan agar dapat memaklumkan perkara ini kepada semua Penolong Akauntan untuk menyertai persidangan ini.

4. Sila layari laman web JANM di <http://www.anm.gov.my> untuk mendapatkan maklumat lanjut dan borang penyertaan. Tarikh tutup permohonan adalah pada **11 April 2014** dan permohonan ini terhad kepada **650 penyertaan terawal sahaja**. Maklumat tambahan adalah seperti di:

Lampiran A – Atur cara Persidangan
Lampiran B – Maklumat Penyertaan

5. Sebarang pertanyaan berkenaan persidangan ini bolehlah menghubungi urus setia persidangan seperti berikut:

- a) Pn Zamzarina bt Hasbi (zzarina@anm.gov.my)
Telefon : 03-8882 1785
- b) Puan Norlaili bt Saifi (norlaili.saifi@anm.gov.my)
Telefon : 03-8882 1197
- c) Puan Zalshamsuri bt Mohd Yaacob (zalsham@anm.gov.my)
Telefon : 03-8882 1740

6. Kerjasama YBhg Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam menjayakan persidangan ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi & Integriti Merealisasi Perakaunan Akruan”



(DATO' ROSINI BINTI ABD SAMAD)
Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
b.p. Akauntan Negara Malaysia

ATUR CARA PERSIDANGAN PENOLONG AKAUNTAN SEKTOR AWAM KE-11

Hari Pertama : 14 Mei 2014 (Rabu)

<u>Masa</u>	<u>Perkara</u>
8.00 pagi	Pendaftaran Peserta
9.00 pagi	Majlis Perasmian
10.00 pagi	Minum Pagi
10.30 pagi	Sesi 1: <i>New Accounting System- 1GFMAS</i> Penceramah: PPPA, JANM
11.30 pagi	Sesi 2: <i>Moving Forward to Accounting Accrual</i> <i>- Challenges in the Role of Accounting</i> Penceramah: PPPA, JANM
12.30 ptg	Makan tengahari
2.30 ptg	Sesi 3 & 4: Motivasi - Magnet Diri Penceramah : Amin bin Idris Amin Idris Training Consultant
4.30 ptg	Minum Petang

Hari Kedua : 15 Mei 2013 (Khamis)

8.00 pg	Transformasi Minda
10.00 pg	Minum pagi
10.30 pg	Sesi 5: Forum: Cabaran Kerjaya Penolong Akauntan
11.30 pg	Rekreasi Minda
12.30 tgh	Makan Tengahari Bersama Pengurusan /Solat Zohor
3.30 ptg	Majlis Penutup
4.30 ptg	Minum petang dan bersurai

LAMPIRAN B

MAKLUMAT PENYERTAAN PERSIDANGAN PENOLONG AKAUNTAN SEKTOR AWAM KE-11

1. Borang Penyertaan perlu diisi secara atas talian di laman sesawang JANM di alamat <http://www.anm.gov.my>.
2. Tarikh tutup permohonan adalah pada **11 April 2014 (Jumaat)** dan permohonan ini adalah terhad kepada **650 peserta terawal sahaja**.
3. Yuran Penyertaan :

Penginapan : RM650.00 seorang/twin sharing termasuk makan-minum (check in pukul 3.00 petang)

Tanpa Penginapan: RM450.00 seorang termasuk makan-minum (<25 km daripada tempat kerja)

Bayaran yuran boleh dibuat melalui **EFT, Bank Draf, Pesanan Tempatan atau Tunai**.
4. Semua pembayaran hendaklah dibuat atas nama:

Persatuan Penolong Akauntan JANM (PERPENA)

No. Akaun : 86019 06332

Nama Bank : CIMB ISLAMIK BANK

Cawangan : Putrajaya
5. Dokumen/resit bayaran hendaklah dikemukakan kepada urus setia semasa pendaftaran persidangan.
6. Bagi sebarang pembatalan penyertaan, pegawai boleh diganti dan wang penyertaan tidak akan dikembalikan sekiranya tiada pengganti.
7. Pihak urus setia tidak menyediakan pengangkutan ke tempat persidangan.
8. Peserta persidangan perlu membawa pakaian untuk Majlis Perasmian dengan pakaian batik.
9. Peserta yang berjaya akan dimaklumkan di portal JANM <http://www.anm.gov.my> pada **21 April 2014**.